



ISU PENGAMBILAN TANAH DI KAMPUNG JAWA, KLANG – PROJEK LEBUHRAYA PESIRAN PANTAI BARAT (WCE)

KLANG, SELANGOR – West Coast Expressway Sdn Bhd (WCE) mengambil maklum berhubung dakwaan baru-baru ini mengenai pengusiran paksa dan penggunaan kekerasan di Kampung Jawa, Klang, yang dikaitkan dengan projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE). Pihak WCE ingin menjelaskan fakta sebenar dan menegaskan komitmen kami terhadap pematuhan mengikut lunas undang-undang yang ditetapkan.

Kekeliruan ini berpunca daripada segelintir pemilik tanah yang enggan mengosongkan tanah yang telah diambil secara sah oleh Kerajaan Persekutuan bagi pelaksanaan projek Lebuhraya WCE. Berikut adalah fakta penting untuk pemahaman orang awam:

1. Pampasan Telah Dibayar pada 30 September 2023

- Sehingga 30 September 2023, jumlah pampasan sebanyak RM9.8 juta telah diluluskan oleh pentadbir tanah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Selangor melalui Borang H selepas proses pengambilan tanah secara rasmi bagi Lot 15762 (11113).
- Selaras dengan *Akta Pengambilan Tanah 1960*, sebanyak 75% daripada jumlah pampasan tersebut iaitu RM7.4 juta telah dibayar kepada 33 pemilik tanah seperti berikut:
 - 14 pemilik menerima bayaran secara terus; dan
 - 19 pemilik bayaran dibuat melalui peguam yang dilantik.

2. Pengambilan Tanah Secara Sah dan Pengeluaran Borang K

- Berdasarkan Seksyen 16 *Akta Pengambilan Tanah 1960*, setelah 75% daripada amaun pampasan seperti yang dinyatakan dalam Borang H dibayar dan Borang K dikeluarkan, pemilikan tanah akan berpindah sepenuhnya kepada Kerajaan Persekutuan tanpa sebarang sekatan kepentingan, dan pemilik tanah tidak lagi mempunyai hak undang-undang untuk menduduki tanah tersebut.
- Prosedur ini merupakan satu proses undang-undang yang telus dan tersusun bagi melindungi hak semua pihak yang terlibat, seperti yang diperuntukkan oleh *Akta Pengambilan Tanah 1960*.

3. Bantahan Tidak Menghalang Pengambilan Tanah Oleh Kerajaan

- Kedua-dua pihak iaitu Kerajaan Persekutuan dan pemilik tanah telah mengemukakan bantahan melalui Borang N bagi mencabar jumlah pampasan, sebagaimana dibenarkan dalam Akta 486.

- Adalah penting untuk dijelaskan bahawa bantahan tersebut tidak menangguhkan atau menghalang kerajaan daripada mengambil alih milik tanah tersebut secara sah selepas Borang K dikeluarkan dan 75% pampasan dibayar.
- Prosiding mahkamah ini hanya melibatkan penentuan amaun akhir pampasan dan tidak menjejaskan hak kerajaan untuk meneruskan pengambilan tanah dan pembangunan.
- Dalam kes-kes WCE yang lain, pemilik tanah yang mengemukakan Borang N serta menerima 75% pampasan, telah mematuhi undang-undang dan mengosongkan tanah mereka walaupun proses mahkamah masih berjalan.
- Justeru, sebarang dakwaan bahawa pemilik tanah perlu menunggu keputusan mahkamah sebelum mengosongkan tanah adalah tidak berasas.

Walaupun pampasan telah dibayar pada tahun 2023, pemilik tanah yang terlibat masih kekal di tapak selama lebih 20 bulan dan telah menyebabkan kelewatan pembinaan infrastruktur lebuh raya utama negara, yang bakal menghubungkan laluan utama seperti Lebuhraya Persekutuan, KESAS, NKVE dan GRAND SEPADU, sekaligus memberi manfaat besar kepada komuniti setempat dan pengguna jalan raya.

West Coast Expressway Sdn. Bhd. ingin memberi jaminan kepada orang awam bahawa semua kerja di tapak dijalankan oleh kontraktor yang berdaftar dan diberi kuasa, mengikut waktu yang dibenarkan iaitu dari 8.00 pagi hingga 6.00 petang.

Dakwaan berhubung kehadiran individu tidak sah pada waktu malam atau penggunaan kekerasan adalah tidak berasas dan tidak benar sama sekali.

West Coast Expressway Sdn. Bhd. menggesa semua pihak agar menghormati proses undang-undang sedia ada dan tidak menyebarkan maklumat yang mengelirukan atau palsu yang boleh mengganggu pemahaman awam. Kami akan terus komited untuk mematuhi undang-undang dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang bagi melindungi reputasi syarikat sekiranya perlu.

– TAMAT –

Disediakan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik & Libat Urus
West Coast Expressway Sdn Bhd